



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT MEDIASI KOMUNITI
PUTRAJAYA**

**5 NOVEMBER 2024 (SELASA)
11.00 PAGI**

**KUARTERS PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 5R1,
PRESINT 5, PUTRAJAYA**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalaamu`alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**Salutasi terkini akan dikemukakan pada hari program.*

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah marilah kita mengucapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana atas Rahmat dari-NYA dapat kita bersama-sama di **Majlis Perasmian Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya** pada pagi yang indah ini.

2. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta rakan-rakan strategik yang telah hadir pada majlis pada pagi ini iaitu Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Perbadanan Putrajaya Jabatan Wilayah Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pengerusi KRT WP Putrajaya, serta para penduduk Kuarters 5R1.

PERANAN MEDIATOR KOMUNITI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Perkhidmatan mediasi telah mula diperkenalkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada tahun 2007 dan JPNIN telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi melatih warga Rukun Tetangga, Pegawai-pegawai JPNIN dan pemimpin agama dengan kemahiran mediasi.
4. Sehingga kini, seramai **571 orang Mediator Komuniti berjaya ditauliahkan** dan memberi khidmat secara sukarela tanpa apa-apa bayaran (*pro bono*).
5. Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya dirasmikan hari ini adalah bukti komitmen kita dalam **membina masyarakat yang harmoni, toleransi, dan bersatu padu**. Mediasi komuniti adalah salah satu cara yang efektif untuk menyelesaikan konflik atau perselisihan secara aman dan berhemah, tanpa perlu melalui proses undang-undang yang rumit dan memakan masa. Melalui pendekatan mediasi, pihak-pihak bertelagah, diberi ruang untuk berdialog, berbincang, dan mencapai penyelesaian yang

adil dan damai secara situasi menang-menang (*win-win situation*).

6. Inisiatif mediasi amat penting dalam menjaga hubungan sesama komuniti, khususnya dalam masyarakat yang pelbagai kaum dan budaya seperti Malaysia. Peranan mediator yang profesional dan berkecuali akan membantu mengelakkan perselisihan kecil daripada menjadi konflik besar yang boleh mengancam keharmonian komuniti. Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya ini juga menyediakan peluang untuk memperkuuh nilai-nilai perpaduan serta kerjasama di antara anggota masyarakat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

FUNGSI PUSAT MEDIATOR KOMUNITI

7. Penubuhan Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya (PMK) adalah satu testimoni untuk **menyelesaikan konflik secara aman dan berhemah** bertujuan untuk menyediakan platform yang aman bagi menyelesaikan perselisihan atau konflik antara individu atau kumpulan dalam komuniti tanpa perlu melalui proses undang-undang yang formal dan panjang. Mediasi adalah proses yang lebih cepat, berkesan, dan melibatkan perbincangan dua hala.

8. Selain itu, ia juga **mewujudkan ruang perantara yang kondusif** berfungsi sebagai ruang fizikal di mana pihak-pihak yang terlibat dalam perselisihan boleh berdialog secara terbuka, dengan bantuan mediator yang berkecuali, untuk mencari penyelesaian yang memuaskan hati semua pihak.
9. Selain itu, proses mediasi turut membantu mendidik masyarakat tentang pentingnya sikap **toleransi dan persefahaman** dalam menyelesaikan isu-isu yang mungkin timbul akibat perbezaan pandangan, budaya, atau kepercayaan. Ini menggalakkan hubungan yang lebih baik di antara anggota masyarakat sekali gus memupuk perpaduan yang lebih erat dalam kalangan pelbagai kaum, agama, dan latar belakang.
10. Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya ini turut **membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh sistem kehakiman negara**, terutama bagi kes-kes kecil atau pertikaian yang boleh diselesaikan secara damai selain berupaya memberi sokongan psikososial kepada individu atau keluarga yang terlibat dalam pertikaian.
11. Selain sebagai fasiliti proses mediasi, Pusat Mediasi Komuniti juga menyediakan peluang untuk **memperkuuh**

nilai-nilai perpaduan serta kerjasama di antara anggota masyarakat dengan pelbagai agensi melalui pelaksanaan aktiviti untuk meningkatkan kesejahteraan kejiranan.

12. Sejak tahun 2023 hingga kini, JPNIN telah mempunyai **lapan (8) Pusat Mediasi Komuniti** yang mana empat (4) daripadanya adalah merupakan perluasan Pusat Mediasi Komuniti termasuklah di Putrajaya ini.
13. Terdapat tiga (3) jenis kategori Pusat Mediasi Komuniti yang diusahakan oleh Kementerian melalui JPNIN. Pusat-pusat ini **ditubuhkan di peringkat Negeri, Daerah dan Komuniti** melalui premis atau bangunan sedia ada Jabatan seperti di **Pejabat Perpaduan Negeri, Kompleks Perpaduan, Pusat Aktiviti Perpaduan di Daerah dan Pusat Rukun Tetangga.**
14. Pada masa yang sama, JPN turut memperkuatkkan kerjasama strategik untuk **peluasan pusat ini bersama agensi-agensi lain** seperti mana majlis kita hari ini. Penubuhan Pusat Mediasi Komuniti WP Putrajaya merupakan **hasil kerjasama strategik antara JPNIN dengan BPH.**

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Di kesempatan ini, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan strategik yang bekerjasama secara erat dalam merealisasikan penubuhan PMK Putrajaya iaitu (Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Perbadanan Putrajaya Jabatan Wilayah Persekutuan serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)).
16. Saya menyeru kepada semua pihak agar memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan di pusat ini dan boleh berhubung secara terus dengan JPNIN Ibu Pejabat, JPNIN WP Putrajaya atau di Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya jika memerlukan pertanyaan lebih jelas mengenai perkhidmatan yang ditawarkan.
17. Saya mendoakan semoga semua **33 orang Mediator Komuniti Putrajaya akan terus memainkan peranan aktif berkhidmat kepada komuniti melalui perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti.**
18. Dengan lafaz bismillahirrohmanirrohiim saya dengan ini merasmikan Pusat Mediasi Komuniti WP Putrajaya.

19. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.